

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : KAMPAR**

SOALAN :

YB TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan JKR Kampar untuk penyelenggaraan jalan raya di daerah Kampar bagi tahun 2018 dan 2019. Nyatakan sebab kelewatan pihak JKR Kampar untuk menjalankan kerja-kerja membaiki lampu jalan di Jalan Gopeng - Kampar (hadapan Giant Hypermarket) dan juga penurapan jalan di kawasan jalan raya tersebut .

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu “*core business*” Kementerian Kerja Raya adalah bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan jalan Persekutuan di seluruh negara. Sehingga kini, panjang jalan Persekutuan bagi negeri Perak yang disenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik adalah sepanjang **1,552.92km** (panjang jalan Persekutuan di **Daerah Kampar** ialah sepanjang **31.620km** sahaja). JKR Daerah Kampar merupakan JKR Daerah Baru yang mula beroperasi sejak April 2018.

Sebagaimana yang dipohon, bersama-sama ini dilampirkan **perincian peruntukan penyelenggaraan** yang telah diluluskan kepada **JKR Daerah Kampar bagi tahun 2018 dan tahun 2019** (bagi suku pertama tahun semasa sahaja) seperti di **Lampiran A**.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di jalan Persekutuan bagi seluruh Semenanjung Malaysia hanya berjumlah **RM8.0 juta** bagi tahun semasa (2019). Memandangkan peruntukan ini adalah amat terhad, kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan hanya diberi pertimbangan kepada penyelenggaraan lampu jalan berdasarkan keutamaan (sangat mendesak). Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum dan akan memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkara ini.

Sekian, terima kasih.

Lampiran A

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah **perincian peruntukan penyelenggaraan** yang telah diluluskan kepada **JKR Daerah Kampar bagi tahun 2018 dan tahun 2019** (bagi suku pertama tahun semasa sahaja) adalah seperti berikut:

No.	Tahun	Rutin (RM)	Berkala Pavemen (RM)	Berkala Bukan Pavemen (RM)
1	2018	640,993.32	0	100,000
2	Jan – Mac 2019	160,248.33	860,000	0
	Jumlah (RM)	801,241.65	860,000	100,000
	Jumlah Keseluruhan (RM)	1,761,241.65		